



## **MODAL INSAN: SUATU KERANGKA KONSEPTUAL**

Oleh:  
**ABDUL AZIZ MAHMUDDIN**

---

**Unit Pembangunan Korporat (UNPEK)**

**UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS**

---

### Pengenalan

Istilah modal dan modal insan bukanlah istilah baru, khususnya dalam bidang ilmu ekonomi dan perniagaan. Namun, istilah modal insan menjadi popular<sup>1</sup> dalam kalangan rakyat Malaysia (khususnya orang Melayu) hanya setelah Y.A.B Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Abdullah Haji Ahmad Badawi menggunakannya semasa membentangkan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) pada 30 Mac 2006. Semasa Y.A.B Perdana Menteri menyampaikan perutusan Tahun Baru 2005 (dalam *mood* yang terkesan oleh Tsunami yang melanda beberapa bahagian dunia pada 26 Disember 2004) yang menyentuh perihal RMK-9, istilah ini belum diketengangkannya (*rujuk* Berita Harian, 1 Januari 2005). Malah, apabila Y.A.B Perdana Menteri memperkatakan perihal RMK-9 sekali lagi pada 16 Januari 2005, istilah itu belum timbul. Pada ketika itu Y.A.B Perdana Menteri, antara lain, menyebut bahawa RMK-9 memberikan penekanan pada usaha “mendidik generasi muda dengan nilai-nilai murni,” dan “mempertingkatkan kebolehan tinggi tenaga manusia” (Utusan Malaysia, 17 Januari 2005).

Setakat yang dapat dikesan di dalam akhbar, Y.A.B Perdana Menteri ada menggunakan istilah modal insan apabila sekali lagi menyentuh perihal RMK-9 di Frankfurt, Jerman. Beliau menyebut bahawa RMK-9, “... memberikan keutamaan kepada pembangunan sumber manusia dan modal insan supaya wujud tenaga kerja bermutu...” (Berita Harian, 18 Mei 2005). Namun demikian, sebelum itu terdapat beberapa orang menggunakan istilah itu, misalnya Reezal Merican Naina Merican (Berita

Harian, 3 Mac 2005), Muhammad Hisyam Mohamed (Berita Harian, 17 Mac 2005), Tan Sri Mohd. Isa Samad (Berita Harian, 12 April 2005) dan Tan Sri Nor Mohamed Yacob (Berita Harian, 23 April 2005). Di samping itu, Pemuda Umno yang mengadakan Kolokium RMK-9 mengenengahkan “Pemeriksaan Modal Insan: Agenda Melayu” sebagai temanya.

Istilah ini semakin mendapat tempat dalam minda rakyat Malaysia, khususnya orang awam apabila Y.A.B Perdana Menteri berulang-ulang kali menggunakannya, misalnya semasa menyampaikan perutusan Hari Kemerdekaan, beliau mahu “...pembangunan modal insan diseimbangkan dengan kemantapan kekuatan rohani setiap rakyatnya,” (Berita Harian, 31 Ogos 2005) dan seterusnya dalam berita yang berkaitan dengan Bajet 2006, beliau sekali lagi menggunakan istilah ini dengan mengatakan bahawa “...pembangunan modal insan akan terus menjadi agenda utama dan usaha-usaha akan ditumpukan ke arah pembentukan individu yang berketrampilan di tempat kerja dan dalam masyarakat” (Berita Harian, 1 Oktober 2005). Namun, dipercayai bahawa pembentangan RMK-9 pada 30 Mac 2006 menjadikan istilah modal insan berupa suatu ‘tsunami’ istilah dalam minda rakyat Malaysia sehingga menjadi amat popular dalam kalangan pendidik, pemimpin masyarakat dan anggota masyarakat umum hingga kini.

Tetapi, apakah yang dimaksudkan dengan konsep modal insan? Samakah makna konsep modal insan yang terdapat dalam fikiran Y.A.B Perdana Menteri dengan makna modal insan yang diucapkan oleh pelbagai golongan anggota masyarakat? Samakah makna konsep modal insan yang digunakan di negara kita dengan maknanya yang terdapat di dalam kamus ilmu atau ensiklopedia di negara asal konsep itu dikemukakan?

Persoalan yang diajukan, dari kaca mata ilmu, tidak boleh dipandang remeh. Hal ini penting kerana makna yang diberikan kepada sesuatu konsep mempunyai signifikansi atau ertinya yang tersendiri. Tersalah makna yang diberikan kepada sesuatu konsep menyumbang kepada kesalahan pemahaman. Salah pemahaman mendorong penggunaanya bertindak atau melakukan sesuatu yang menyalahi, bercanggah atau mungkin tidak berkaitan dengan makna asal yang terkandung dalam konsep yang digunakan. Tingkah laku dan tindakan yang bertitik-tolak dan dicorakkan oleh salah pemahaman tentang makna sesuatu konsep pastinya merugikan beberapa banyak sumber, tenaga dan akhirnya negara jika diteliti daripada sudut penghayatan konsep oleh masyarakat dalam kehidupan sehari-hari, penetapan dan pelaksanaan dasar negara, dan akhirnya budaya dan tamadun manusia secara umum.

Lantaran, kajian ini bertujuan pertama, menjelaskan konsep modal insan seperti yang terdapat dalam kamus ilmu di negara istilah ini diterbitkan; kedua, meneroka kemungkinan maknanya apabila disesuaikan dengan budaya setempat; ketiga, menjangkakan implikasi kefahaman tentang konsep itu kepada pembangunan negara; dan ketiga memberikan beberapa usul tentang peranan dan tanggungjawab ahli akademik dan pengurus dan pentadbir pendidikan, khususnya para pensyarah kejuruteraan dan pentadbir fakulti kejuruteraan dalam konteks pembangunan

modal insan. Secara umumnya, diharapkan penulisan ini dapat menambahkan pengetahuan pembaca tentang konsep modal insan, khususnya pembaca yang tidak melalui pendidikan dalam bidang ekonomi.

Modal Insan: Suatu Kerangka Konseptual

#### *Definisi modal*

Menurut Becker ([www.econlib.org/library/Enc/HumanCapital.html](http://www.econlib.org/library/Enc/HumanCapital.html)) istilah 'modal' (dalam bahasa Inggeris *capital*) bermaksud "...assets that yield income and other useful outputs over long periods of time". Sadono (1993) menulis bahawa modal "...meliputi benda atau alat yang diwujudkan oleh manusia dan digunakan untuk mengeluarkan barang atau perkhidmatan... [misalnya] tali air, jalan-jalan, bangunan kilang, jentera-jentera dan peralatan perkilangan" (hlm. 2).

Asal-usul istilah ini dikatakan berpunca daripada ahli ekonomi Barat, Adam Smith yang menulis *An Inquiry Into the Nature and Causes of the Wealth of Nations* dalam tahun 1776 (pada hari ini buku itu dikenali sebagai *The Wealth of Nations* sahaja). Dengan terhasilnya penulisan Adam Smith itu, maka bermulalah istilah 'modal' menjalani evolusi maknanya kerana mendapat perhatian berterusan daripada ahli ekonomi dan sosiologi seperti Karl Marx yang antara lain menulis *The German Ideology* dalam tahun 1845 dan *Capital: The Communist Manifesto* dalam tahun 1886; John Stuart Mill yang menulis *Principles of Political Economy with Some of Their Applications to Social Philosophy* dalam tahun 1848; dan beberapa banyak lagi ahli falsafah, ekonomi, sosiologi, perniagaan, perakaunan dan pengurusan yang menyuburkan maknanya hingga kini.

Menurut Yu (2001) Adam Smith mengiktiraf bahawa kemahiran manusia adalah penting sebagai penentu kekayaan (*wealth*) individu dan negara. Storberg (2002) pula berpendapat bahawa meskipun Smith tidak menggunakan kata modal untuk menjelaskan perihal kekayaan, namun beliau menjelaskan konsep kekayaan itu dengan menggunakan istilah-istilah yang digunakan oleh sarjana hari ini sebagai "...elements of capital, including labor, wages, rents, and stock" (hlm.471) atau disebut juga sebagai faktor-faktor pengeluaran iaitu tanah dan sumber asli, tenaga buruh, modal (benda atau alat yang diwujudkan oleh manusia yang digunakan untuk mengeluarkan barang atau perkhidmatan) dan keahlian keusahawanan (Sadono Sukirno, 1993) dalam buku-buku ekonomi. Sementara Little (2003) menyimpulkan pandangannya dengan mengatakan bahawa melalui buku itu Smith mencadangkan bahawa pelaburan dalam modal fizikal, misalnya perbelanjaan untuk membeli mesin adalah selari atau sama penting dengan pelaburan dalam modal insan melalui perbelanjaan untuk pendidikan dan latihan.

Dengan penjelasan yang diberikan dapatlah difahami bahawa istilah modal bukanlah sekadar merujuk wang yang telah/akan digunakan untuk memulakan sesuatu perniagaan seperti yang digunakan dalam ilmu perakaunan atau yang difahami secara umum oleh masyarakat. Malah, dalam analisis ekonomi, wang "...tidak digolongkan sebagai 'modal'" (Sadono Sukirno, 1993: 2). Pada peringkat negara, apa jua bentuk infrastruktur asas yang

disediakan oleh kerajaan merupakan modal bagi ekonomi negara. Pada peringkat pengusaha, usahawan atau syarikat, modal boleh terdiri daripada tanah, semua peralatan dan mesin, pekerja, gaji pekerja, sewaan, stok dan apa jua perbelanjaan yang digunakan untuk menghasilkan sesuatu produk secara langsung. Sementara pada peringkat individu sebagai tenaga buruh, pekerja atau usahawan, apa jua kemahiran (Sadono Sukirno, 1993) dan keupayaan yang diperolehnya daripada pendidikan hendaklah dianggap sebagai modal.

Dipercayai bahawa dengan kerangka makna modal seperti yang dibincangkan di atas maka terbitlah pula istilah modal insan sebagai istilah ekonomi, khususnya dalam ilmu ekonomi politik dan ekonomi pembangunan. Namun, apakah pula yang dimaksudkan dengan 'modal insan' yang mula popular digunakan dalam tahun 1960-an?

#### *Definisi modal insan*

Enjin carian Google memaparkan 25 definisi modal insan. Dalam penulisan ini penulis mengambil sikap untuk menelusuri serba ringkas sejarah terbitnya istilah ini terlebih dahulu supaya pemahaman kita tentangnya lebih ampuh. Seterusnya makna istilah itu diperjelas berdasarkan pemikiran pencetus awal istilah ini.

Menurut ensiklopedia Wikipedia istilah modal insan mula dibincangkan oleh Arthur Cecil Pigou dalam penulisan yang bertajuk *A Study in Public Finance* yang diterbitkan dalam tahun 1928 ([http://en.wikipedia.org/wiki/Human\\_capital](http://en.wikipedia.org/wiki/Human_capital)). Selepas Pigou, istilah ini seolah-oleh tidak mendapat perhatian atau terlepas pandang oleh para sarjana kerana tiada sesiapa yang mengupas konsepnya. Namun, ensiklopedia ini menyebut juga bahawa istilah modal insan digunakan dalam persuratan ekonomi neoklasikal moden oleh Jacob Mincer yang menulis artikel "Investment in human capital and personal income distribution" dalam *The Journal of Political Economy* dalam tahun 1958. Meskipun Beverly dan Sherraden (1997) menyebut bahawa istilah modal insan berjaya menarik minat beberapa banyak sarjana ekonomi sejak pertengahan 1950-an, tetapi beliau tidak pula menyebut tokoh-tokoh yang mengupasnya, kecuali Theodore William Shultz (yang antara lain menulis artikel "Investment in man: An economist's view" dalam *Social Service Review* dalam tahun 1959, "Capital formation by education" dalam *Journal of Political Economy* dalam tahun 1960, "Investment in human capital" dalam *American Economic Review* dalam tahun 1961, buku yang bertajuk *Investment in Human Capital: The Role of Education and of Research* yang diterbitkan dalam tahun 1971 oleh Free Press dan artikel "The economic importance of human capital in modernization" dalam *Education Economy* dalam tahun 1993).

Namun demikian, dalam persuratan terkini, para sarjana yang membicarakan istilah ini, misalnya Beverly dan Sherraden (1997), Yu (2001), Storberg (2002), O'Callaghan (2002), Little (2003) dan Giménez (2005) tidak memberikan kredit kepada Pigou sebagai peneroka konsep modal insan. Kebanyakan penulisan yang dirujuk mengatakan bahawa ahli ekonomi pada hari ini terhutang budi kepada Theodore William Shultz dan Gary Stanley Becker (dalam tahun 1962, Becker menulis artikel "Investment in human capital" dalam *The Journal of Political*

*Economy*, dan menghasilkan buku yang bertajuk *Human Capital: A Theoretical and Empirical Analysis with Special Reference to Education* terbitan Columbia University Press dalam tahun 1964).

Pengkaji-pengkaji semasa didapati memandang tinggi usaha dan pemikiran Shultz dan Becker yang berkaitan. Mereka menganggap kedua-dua tokoh ini sebagai pencetus awal konsep modal insan dalam tubuh ilmu ekonomi. Richard H. Kraft dan Yasser Nakib (1991) menyebut bahawa Theodore Shultz merupakan orang yang pertama mengasaskan secara sistematik dan meluas kajian tentang “ekonomi pendidikan”. Shultz dan beberapa orang ahli ekonomi yang lain kemudiannya mengaplikasikan analisis ekonomi neoklasik yang lazim digunakan dalam beberapa banyak aspek pendidikan dan kemudiannya membangunkan teori modal insan. Beverly dan Sherraden (1997) mengatakan bahawa Shultz, Becker dan Mincer merupakan sarjana ekonomi yang mula-mula mengkonseptualisasikan kemahiran, pengetahuan dan pengalaman sebagai suatu bentuk modal. Yu (2001) berpendapat bahawa Shultz dan Becker membangunkan konsep ini secara formal dalam tahun-tahun 1960-an. Storberg (2002) mendakwa bahawa Shultz ialah orang yang pertama mengenengahkan konsep itu kepada umum semasa menyampaikan ucapannya sebagai Presiden American Economic Association dalam tahun 1960, dan Becker pula perlu diingati sebagai bapa konsep modal insan kerana beliau membuat beberapa banyak penyelidikan tentang konsep ini dan penulisan-penulisannya yang berkaitan dengan modal insan sering dirujuk dalam persuratan terkini. O’Callaghan (2002) menyebut bahawa Shultz ialah peneroka bidang ini. Little (2003) pula mendakwa bahawa Shultz dan Becker (tetapi beliau menyebut Howard Becker, dan kenyataan ini dipercayai suatu kesilapan) adalah antara sarjana yang mengenengahkan idea ini semula dan mengembangkannya setelah Adam Smith mengemukakannya dalam tahun 1776. Sementara Giménez (2005) menulis bahawa minat dalam kajian tentang modal insan dikongsi oleh hanya segelintir ahli ekonomi pada 1960-an; dan Becker, Shultz dan Denison adalah antara sarjana yang menerbitkan kajian-kajian penting dan utama tentang modal insan dalam era itu.

Menurut *The Concise Encyclopedia of Economics* ([www.econlib.org/library](http://www.econlib.org/library)) yang mendorong Shultz menggunakan konsep modal insan ialah pengalamannya menemuramah sepasang suami isteri tua yang miskin tetapi bahagia. Apabila Shultz bertanya mengapa mereka berasa bahagia meskipun miskin, mereka menjawab bahawa mereka “...not poor because they had used up their farm to send four children to college and that these children would be productive because of their education.” Dijelaskan bahawa setelah mendengar jawapan itulah Shultz mula memikirkan konsep istilah ini, dan kemudian menyimpulkan bahawa modal insan ialah “*capital produced by investing in knowledge*” ([www.econlib.org/library/Enc/bios/Shultz.html](http://www.econlib.org/library/Enc/bios/Shultz.html)).

Dalam memoir biografi tentang Shultz (meninggal pada 25 Februari 1998), Johnson ([www.nap.edu/html/biomems/tschultz.html](http://www.nap.edu/html/biomems/tschultz.html)) mengatakan bahawa pandangan Shultz tentang ‘pelaburan dalam insan’ dibenci oleh beberapa banyak kalangan. Hal ini demikian kerana pemikiran seumpama itu seolah-olah menganggap manusia sebagai barangan atau komoditi yang boleh dijual beli dan digunakan, misalnya hamba abdi. Bagi

pengkritik-pengkritik beliau, Shultz seumpama merendahkan nilai dan martabat insan. Tetapi, Shultz menegaskan dalam penulisannya "Investment in human capital", seperti yang dikutip oleh Johnson ([www.nap.edu/html/biomems/tschultz.html](http://www.nap.edu/html/biomems/tschultz.html)) dan Storberg (2002) bahawa:

"To treat human beings as wealth that can be augmented by investment runs counter to deeply held values. It seems to reduce man once again to a mere material component, something akin to property. And for man to look upon himself as a capital good, even if it did not impair his freedom, may seem debase him...(But) by investing in themselves, people can enlarge the range of choice available to them. It is one way free men can enhance their welfare....(p. 2)The failure to treat human resources explicitly as a form of capital, as a produced means of production, as the product of investment, has fostered the retention of the classical notion of labor as a capacity to do manual work requiring little knowledge and skill, a capacity with which, according to this notion, laborers are endowed about equally (p. 3)."

Meskipun sebahagian daripada ahli ekonomi yang seangkatan dengan Shultz bersikap sinis dengan pandangannya, namun ternyata bahawa konsep yang dikemukakan Shultz itu kini menjadi satu daripada konsep ekonomi yang penting dalam separuh kedua abad ke-20 (Giménez, 2005).

Becker yang seangkatan dengan Shultz mengatakan bahawa pendidikan dan latihan ialah pelaburan yang paling penting dalam modal insan. Pernyataan ini menunjukkan bahawa beliau bersetuju dengan pandangan Shultz tentang pendidikan sebagai pelaburan. Becker ([www.econlib.org/library/Enc/HumanCapital.html](http://www.econlib.org/library/Enc/HumanCapital.html)) menguraikan bahawa:

*"Schooling, a computer training course, expenditures of medical care, and lectures on the virtues of punctuality and honesty also are capital. This is because they raise earnings, improve health, or add to a person's good habits over much of his lifetime. Therefore, economists regard expenditures on education, training, medical care, and so on as investments in human capital. They are called human capital because people cannot be separated from their knowledge, skills, health, or values in the way they can be separated from their financial and physical assets."*

Berdasarkan pendapat ringkas ini, beberapa kesimpulan tentang konsep modal insan dapat diketengahkan. Pertama, Becker tidak menganggap pendidikan semata-mata sebagai pelaburan. Beliau mengembangkan konsep pelaburan yang dirujuk itu dengan mengatakan bahawa apa jua perbelanjaan yang dikeluarkan manusia, sama ada untuk mendapatkan dan menambahkan ilmu; mempertingkatkan kemahiran; menjaga dan meningkatkan tahap

kesihatan; dan/atau memperbaiki etika, selagi bertujuan meningkatkan kualiti diri, maka usaha itu hendaklah dianggap sebagai pelaburan. Jadi, perbelanjaan untuk perkara-perkara seumpama ini tidaklah sesuai disebut sebagai perbelanjaan seperti kita membeli rokok atau alat mekap kerana benda-benda ini tidak memberikan manfaat pada masa akan datang. Ringkasnya apa jua perbelanjaan untuk meningkatkan kualiti diri hendaklah dianggap sebagai pelaburan.

Kedua, perbelanjaan yang dikeluarkan untuk meningkatkan kualiti diri dikatakan pelaburan kerana usaha-usaha seperti itu berupaya memberikan pulangan yang lebih banyak kepada manusia pada masa hadapan, misalnya peningkatan pendapatan atau produktiviti. Pemikiran Becker ini sejajar dengan pandangannya tentang makna modal iaitu “...assets that yield income and other useful outputs over long periods of time” (Becker, [www.econlib.org/library/Enc/HumanCapital.html](http://www.econlib.org/library/Enc/HumanCapital.html)). Secara perbandingan dapatlah dikatakan bahawa ilmu, kemahiran, kesihatan dan etika ialah aset yang dimiliki manusia. Aset ini dikategorikan pula sebagai aset tak nampak atau *intangible asset*. Aset jenis ini dianggap sebagai modal kerana keupayaannya menghasilkan atau menjana pendapatan atau output-output lain yang dapat memberikan manfaat dalam suatu jangka masa yang panjang pada masa akan datang.

Ketiga, yang dikatakan modal itu ialah hasil yang diperoleh daripada pelaburan, misalnya ilmu yang ditimba daripada persekolahan atau pendidikan; kemahiran yang diperoleh daripada latihan; nikmat sihat yang dimiliki daripada penjagaan kesihatan; dan etika yang baik yang terbentuk oleh kuliah atau ceramah yang diikuti. Jika dalam perniagaan pelaburan menghasilkan keuntungan, misalnya pertambahan wang atau aset fizikal, tetapi dalam konteks modal insan, pelaburan menghasilkan modal iaitu ilmu, kemahiran atau kesihatan.

Dan akhirnya, bagi Becker, yang dikatakan modal insan itu pada hakikatnya ialah ilmu, kemahiran, kesihatan dan etika yang dimiliki oleh seseorang. Hal ini demikian kerana manusia tidak dapat dipisahkan daripada ilmu, kemahiran, kesihatan atau nilai yang dimiliki mereka seperti terpisahnya aset nampak atau *intangible assets* yang dimiliki oleh mereka seperti wang atau aset fizikal seperti kilang, bangunan, jentera, atau peralatan pejabat.

Kesimpulannya, modal bagi individu yang mahu berniaga boleh terdiri daripada wang, tanah dan modal insan (ilmu, kemahiran dan kesihatan individu itu). Modal bagi syarikat boleh terdiri daripada bangunan, kilang, mesin, bahan mentah, stok dan modal insan (ilmu, kemahiran dan kesihatan pemilik syarikat dan pekerja), sementara modal bagi sesebuah negara boleh terdiri daripada infrastruktur, semua harta milik kerajaan dan modal insan (ilmu, kemahiran dan kesihatan rakyat, khususnya para pekerja sama ada kakitangan awam, pekerja swasta atau para peniaga dalam semua peringkat). Ringkasnya, yang dikatakan modal insan ialah agregat atau jumlah keseluruhan ilmu, kemahiran, kesihatan, etika dan akhlak seseorang individu, pekerja atau rakyat sesebuah negara yang berupaya menghasilkan manfaat (seperti pendapatan, keuntungan atau pertumbuhan ekonomi yang positif) kepada individu dan keluarganya, syarikat atau negara.

Setakat ini kita telah mendapat sedikit gambaran tentang konsep modal insan, khususnya berdasarkan pandangan Gary S. Becker. Adakah definisi ini mengalami perubahan sejak diperkenalkan? Untuk menjawab persoalan ini penulis merujuk beberapa wacana terkini tentang modal insan yang terdapat di dalam laman sesawang (web page) dan selain itu penulis menaip *define:human capital* dalam enjin carian Google. Enjin ini memaparkan 27 definisi modal insan (capaian pada 17 April 2007). Berdasarkan definisi-definisi yang dibaca penulis memecah-mecahkannya kepada elemen apakah modal insan, siapakah pemilik modal insan, bagaimana cara mendapatkan atau memilikinya, siapakah yang membiayainya dan untuk apa perlu memilikinya (rujuk Jadual 1). Antara yang dirujuk misalnya ialah karya Brian Keely (2007) yang mengatakan bahawa modal insan didefinisi oleh Organization for Economic Co-operation and Development (OECD) sebagai “...*the knowledge, skills, competencies and attributes embodied in individuals that facilitate the creation of personal, social and economic well-being;*” Giménez (2005) menulis “...*as the sum of the investments in education, labour training, emigration or health, which result in an increase in the productivity of workers;*” dan Deutsche Bank Research (2005) berpendapat modal insan ialah “...*the sum of the abilities and knowledge of individuals...[that] can be accumulated through education, further education, and experience.*”

Di dalam laman sesawang, enjin carian Google memaparkan beberapa banyak definisi dan di

**Jadual 1:** Elemen-elemen dalam konsep modal insan<sup>2</sup>

<b>APA</b>	yang	<b>BAGAIMANA</b>	yang	<b>UNTUK APA</b>
modal insan	dimiliki oleh	mendapatkan atau	dibiayai oleh	perlu memilikinya
	<b>SIAPA</b>	memilikinya	<b>SIAPA</b>	
<i>assets</i>	<i>human</i>	<i>education: formal and informal</i>	<i>individual</i>	<i>economically productive</i>
<i>attributes</i>	<i>workers</i>	<i>further education</i>	<i>family</i>	<i>productive work</i>
<i>health</i>	<i>individuals</i>	<i>experience</i>	<i>parents</i>	<i>provide solutions to</i>
<i>knowledge</i>	<i>a person</i>	<i>on-the-job training</i>	<i>organization</i>	<i>customers</i>
<i>skills</i>	<i>people</i>	<i>in-house training</i>	<i>government</i>	<i>to generate future</i>
<i>competencies</i>	<i>human resources</i>	<i>further training</i>		<i>income</i>
<i>capabilities</i>	<i>stock of expertise</i>	<i>schooling</i>		<i>income-earning potential</i>

---

<i>expertise</i>	<i>population</i>	<i>in the future</i>
<i>ability</i>	<i>personnel</i>	<i>increase performance</i>
<i>relations</i>	<i>labor force</i>	<i>facilitate the creation of</i>
<i>creativity</i>	<i>workforce</i>	<i>personal, social and</i>
<i>innovation</i>	<i>employees</i>	<i>economic well-being</i>
<i>intangible assets</i>		<i>economic benefits</i>
<i>collective power of</i>		<i>producing goods and</i>
<i>human assets</i>		<i>services</i>
<i>collective</i>		<i>organizational</i>
<i>knowledge</i>		<i>performance</i>
<i>motivation</i>		
<i>potentials</i>		
<i>physical attributes</i>		
<i>attitudes</i>		
<i>know-how</i>		
<i>strength</i>		
<i>potential</i>		
<i>'something' that</i>		
<i>people bring to</i>		
<i>work</i>		

---

Berdasarkan Jadual 1, beberapa kesimpulan dapat dibuat tentang konsep dan pengertian semasa modal insan. Pertama, istilah modal insan tidak lagi menjadi istilah eksklusif bagi bidang ilmu ekonomi, khususnya ekonomi politik dan ekonomi pembangunan. Istilah ini telah menyerap ke dalam bidang-bidang ilmu yang lain, misalnya perniagaan, pembangunan sumber manusia, pendidikan, sosiologi dan sebagainya. Meskipun demikian, pengertian umumnya

didapati masih sama dengan pengertian yang diberikan oleh pakar-pakar ekonomi yang memperkenalkannya. Namun, daripada segi keluasan makna didapati bahawa definisi-definisi terkini telah menggugurkan konsep 'nilai' seperti '*punctuality*' dan '*honesty*' yang terkandung dalam pemikiran Becker. Hal ini demikian mungkin kerana aspek itu terlepas pandang atau dianggap tidak penting sebagai satu daripada jenis modal insan. Ataupun, suatu andaian yang paling logik untuk menjelaskan sebab pengguguran ini adalah daripada sudut asal-usulnya. Istilah modal insan berpunca daripada ilmu ekonomi. Ilmu ekonomi hanya mengambil kira elemen-elemen ekonomi dalam pengiraan manfaat modal insan. Sejajar dengan itu, elemen-elemen nilai yang berkaitan dengan ilmu aksiologi (ringkasnya bermaksud kajian tentang nilai dan pengadilan nilai) dan teori nilai tidak diambil kira kerana sesuatu nilai sukar diukur dan dikuantifikasikan supaya dapat dimasukkan ke dalam model pengiraan manfaat modal insan kepada individu, masyarakat dan negara. Tetapi, ironinya mengapa ahli ekonomi seperti Becker menganggap sesuatu nilai sebagai elemen modal insan? Sebaliknya, Apapun, pengguguran itu mempunyai implikasi yang signifikan dalam hubungannya dengan konsep pendidikan (sila rujuk bab xx) dan pembangunan modal insan.

Kedua, jika Becker mengatakan bahawa modal insan itu terdiri daripada '*knowledge*', '*skills*', '*health*', atau '*values*' kini konsep itu sudah dikembangkan sehingga meliputi '*competencies*,' '*capabilities*,' '*expertise*,' '*ability*,' '*potentials*,' '*know-how*,' '*motivation*,' '*attitude*,' '*relations*,' '*creativity*,' '*innovation*,' '*physical attributes*,' '*strength*,' '*collective power of human assets*,' dan '*collective knowledge*.'

#### Nota Hujungan

<sup>1</sup> Lazimnya sesuatu kata, istilah atau konsep menjadi popular dalam kalangan masyarakat umum apabila kata, istilah atau konsep itu sering dipaparkan oleh suratkhbar. Lantaran penulisan ini merujuk *Utusan Malaysia On-line* dan *Berita Harian On-line* mulai Januari 2004 untuk menentukan bila istilah modal insan mula digunakan oleh akhbar. Akhbar ini dipilih kerana akhbar ini menjadi media arus perdana yang dibaca oleh kebanyakan pembaca Melayu.

<sup>2</sup> Maklumat yang diberikan sengaja ditulis dalam bahasa Inggeris supaya dapat memberikan gambaran yang sebenar tentang istilah yang digunakan agar dapat mengelakkan kekeliruan tentang konsep jika istilah dalam bahasa Melayu digunakan.

